

→ SASTERA & BUDAYA

Bahasa Parsi alat diplomasi, perundangan Melayu silam

➔ Kesan tamadun Iran lama turut pengaruhi India, Turki

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

■ Bangi

Bahasa Parsi didakwa pernah digunakan sebagai bahasa perundangan dan diplomasi di alam Melayu hingga abad ke-18.

Hubungan bangsa Parsi dengan Melayu juga dikatakan sudah wujud sejak zaman Kerajaan Pasai.

Bagaimanapun, tidak banyak diketahui mengenai peranan bahasa Parsi dalam perkembangan alam Melayu kerana kurang penyelidikan dibuat mengenainya.

Pensyarah Pengajian Asia Barat dan Sejarah Islam, Universiti St Andrew Scotland, Prof Dr Andrew Peacock, berkata kajian sejarah perkembangan alam Melayu lebih kerap mengaitkan peranan bahasa Arab sebagai bahasa kedua penting selepas bahasa Melayu.

"Jika bahasa Melayu menjadi lingua franca untuk keseluruhan alam Melayu, penggunaan bahasa Arab pula lebih tertumpu kepada penyebaran agama Islam.

"Namun, kajian saya mendedahkan gambaran yang lebih kompleks, iaitu ada penggunaan ba-

hasa Parsi yang menguasai dunia perundangan dan diplomasi," katanya ketika membentangkan kertas kerja, *New Light on Middle Eastern Languages in Early Modern Southeast Asia* di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini.

Yang turut hadir Ketua Pusat Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, ATMA, Dr Mohamad Nasrin Mohamad Nasir.

Peacock berkata, bagaimanapun dokumen berbahasa Parsi di dunia Melayu terabai kerana kebanyakan sarjana di Asia Tenggara khususnya lebih tertumpu kepada bahasa Arab jika menyentuh persoalan pengaruh Asia Barat di alam Melayu.

Pada pembentangan itu, Peacock memetik lima surat dan dokumen yang kini tersimpan di luar alam Melayu, termasuk British Library, London; Universiti Leiden, Belanda; Arkib Kerajaan Republik Turki, Istanbul dan Arkib Syarikat Hindia Timur, Copenhagen.

Satu daripadanya ialah surat tulisan peniaga pinang di Aceh, Teuku Muda Mohamed Sa'at kepada Francis Light yang kewujudannya baru diketahui.

"Surat tiada bertarikh, tetapi ditulis pada abad ke-18 dan ditujukan kepada Light itu, menjelaskan penulisnya sangat mahir berbahasa Parsi kerana tatabahasa dan ejaan lebih baik berbanding surat yang ditulis di Istana Aceh," katanya.

Surat hural kejatuhan Melaka

Sepucuk surat lagi yang menjelaskan kepentingan bahasa Parsi sebagai bahasa diplomasi ialah surat yang berkemungkinan ditulis di Melaka dan ditujukan kepada Raja Portugal yang kini menjadi milik Arkib Torre de Tombo, Lisbon.

"Saya menyebut mungkin kepada Raja Portugal kerana ia tidak dapat dibuktikan dengan tepat kerana bahagian atas surat itu sudah hilang.

"Namun, surat itu menghuraikan kejatuhan Melaka kepada Portugis dan hal yang berlaku semasa itu," katanya.

Peacock berkata, surat itu belum dikaji dan sukar untuk menjelaskan mengapa bahasa Parsi digunakan dalam surat kepada Raja Portugal, apatah lagi penulisnya bukanlah orang Melayu.

"Kajian mendapati penulisnya

berada di Melaka bersama Alfonso de Albuquerque. Beliau kemudian bergaduh dengan pegawai portugis yang lain sebelum dipenjarakan dan semua hartanya dirampas.

"Surat itu ditulis bagi meminta Raja Portugal memulangkan semula harta bendanya yang dirampas," katanya.

Beliau berkata, bahasa Parsi yang digunakan dalam surat berkenaan dipengaruhi bahasa Melayu, sekali gus menunjukkan penulis bukan saja boleh berbahasa Melayu, bahkan menulisnya.

Peacock berkata, asimilasi bahasa Melayu dengan bahasa Parsi di Asia Tenggara menyaksikan wujudnya dialek bahasa Parsi tempatan.

Katanya, hal itu tidak menghairankan kerana berdasar catatan Tom Pires, pemerintahan di alam Melayu ketika itu mengalu-alukan kedatangan orang Asia Barat.

"Kajian mengenai peranan bahasa Parsi di alam Melayu ini sangat menarik kerana penggunaannya tidak terhad kepada orang Islam tetapi juga bukan Islam.

"Malah ia digunakan dalam surat-menyurat antarabangsa. Malah, bahasa Parsi suatu ketika dulu pernah menjadi bahasa rasmi

di India.

"Di Turki, ia adalah bahasa kedua yang selalunya digunakan untuk penulisan karya sastera," katanya.

Sementara itu Mohamad Nasrin berkata, untuk mengkaji sejarah Alam Melayu, sarjana perlu menguasai tiga bahasa utama selain bahasa Melayu, iaitu bahasa Parsi, Arab dan Turki.

"Setakat ini belum ada kajian terperinci sejauh mana pengaruh bahasa Parsi ini, tetapi ia diketahui adalah bahasa pengantar dalam kalangan pedagang.

"Pengaruh bahasa Parsi lebih kuat di Aceh kerana hubungan antara Aceh dan Parsi yang lebih erat," katanya.

Tambah Mohamad Nasrin, Iran pada abad ke-16 dan ke-17 bukanlah seperti Iran yang dikenali hari ini.

"Justeru, adalah silap untuk menyebut semua yang datang dari Iran itu Syiah, malah Isfahan dahulu menjadi tempat yang bermazhab Syafie.

"Bagaimanapun, selepas permulaan dinasti Safavid di Iran, ramai warganya yang lari ke India dan tidak mustahil ada yang datang ke Asia Tenggara," katanya.



Peacock membentangkan kertas kerja, di UKM Bangi, baru-baru ini